

# Masjid Khadijah - Perkuat Integrasi Kaum Melalui Buku

Usaha penyatuan kaum yang dijalankan oleh Masjid Khadijah bukan sekadar lawatan dan ziarah sahaja, ia telah mengorak langkah besar demi menjalin hubungan antara kaum di Singapura

Oleh RUDY HERMAN SINEN

Jika anda berjalan sekitar 500 meter di sekeliling Masjid Khadijah yang terletak di Geylang Road, Singapura anda akan dapati terdapat banyak bangunan kegiatan agama seperti Sagaramudra Buddhist Institute, Soon Thian Keng Temple, Kwan Im See Temple, Khek Community Clan Association, Singapore Hakka Chong Association dan banyak lagi.

Tidak seperti kebanyakan masjid yang terletak di kawasan yang ramai penduduk beragama Islam, Masjid Khadijah dikelilingi oleh rumah-rumah ibadah kaum Cina dan juga sebilangan besar persatuan-persatuan kaum Cina. Justeru itu, masjid yang berusia 85 tahun itu berhadapan dengan dua cabaran - bagaimana untuk menarik jemaah untuk memakmurkan masjid dan juga untuk memastikan agar masjid tetap relevan di sekitaran kegiatan agama dan budaya bukan Islam.

Masjid Khadijah yang terletak sekitar dua kilometer dari Geylang Serai - sebuah kawasan tumpuan orang Melayu yang terkenal, merupakan hartanah yang dibeli dan diwakafkan untuk pembinaan masjid oleh Puan Katijah Bte Mohamed pada tahun



Ustaz Hj Ali Hj Mohamed,  
Pengerusi Masjid  
Khadijah.

1915. Namun, Puan Katijah meninggal dunia setahun selepas kerja-kerja pembinaan masjid dimulakan. Lima tahun kemudian, tersergamlah sebuah masjid yang bakal menjadi contoh integrasi kaum di Singapura.


Justeru, pihak Masjid Khadijah telah mengatur langkah bijak dalam menghadapi cabaran berada di tengah-tengah kegiatan non-Muslim. Walaupun kecil, ia tetap tidak memencilkan diri. Ia menghulurkan tangan untuk menjalin hubungan dengan persatuan-persatuan kaum dan agama Cina yang berjiran dengannya.

Malah usaha ini telah dilakukan jauh sebelum berlakunya tragedi 11 September 2002 dan pembongkaran gerakan Jemaah Islamiah di Singapura yang telah menyedarkan masyarakat betapa pentingnya menjalin hubungan baik sesama kaum.

Usaha penyatuan kaum yang dijalankan oleh Masjid Khadijah bukan sekadar lawatan dan ziarah sahaja, ia telah mengorak langkah besar demi menjalin hubungan antara kaum di Singapura.

Pada bulan Jun 2001, Masjid Khadijah menganjurkan satu acara pertemuan muhibah antara kaum secara besar-besaran di kawasan Eunos yang dinamakan Pertemuan Muhibah Masyarakat (*Community Goodwill Gathering*). Acara dua hari itu mendapat sambutan di luar jangkaan. Pelbagai lapisan masyarakat tidak kira bangsa dan agama bermesra sambil

Buku "Masjid Khadijah Satu Contoh Integrasi Masyarakat"  
(Khadijah Mosque An Example of Community Integration)





Masjid Khadijah berkilau pada waktu malam.

menikmati hidangan nasi beriani percuma.

Pada Januari 2003 pula, sempena perasmian bangunan tambahan dan projek baik pulih Masjid Khadijah, pihak masjid telah menerbitkan sebuah buku khas yang menyorot usaha-usaha penyatuan kaum yang telah diusahakannya selama ini. Buku setebal 120 muka yang berkonsepkan *coffee-table book* itu bertajuk "Masjid Khadijah Satu Contoh Integrasi Masyarakat" (Khadijah Mosque An Example of Community Integration). Ia memuatkan penerangan kegiatan masjid, gambar-gambar berwarna-warni serta wawancara dengan mantan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan Menteri Bertanggungjawab Hal Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim.

Malah, penerbitan buku itu telah ditaja oleh badan-badan bukan Islam seperti Jawatankuasa Perundingan Rakyat (CCC) Kampong Ubi, Yayasan Lee dan Geylang Serai CCC dengan jumlah tajaan sebanyak S\$25,000 (RM57,000).

Selaku Pengerusi Masjid Khadijah, Ustaz Hj Ali Hj Mohamed merupakan penggerak utama dalam misi integrasi masyarakat yang giat dilaksanakan. Beliau juga adalah pemimpin Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiah di Singapura dan juga pelopor bagi kaedah pemulihan untuk penagih dadah melalui cara zikrullah yang dinamakan Program Inabah.

Menurut Ustaz Haji Ali Haji Mohamed, kebanyakan jemaah yang datang ke masjid ini biasanya dari kawasan luar. Mereka perlu memahami antara satu sama lain dan mengerti bagaimana mereka menjalankan aktiviti. Mereka mesti berkenal-kenalan antara satu sama lain apatah lagi dengan jiran yang bukan Islam. Semasa majlis



Ahli jawatan kuasa Masjid Khadijah dalam satu majlis.

lis perasmian bangunan tambahan masjid, bukan sahaja Perdana Menteri dijemput, malah persatuan agama lain pun dijemput.

Langkah Masjid Khadijah menerbitkan buku "Masjid Khadijah Satu Contoh Integrasi Masyarakat" diterima dengan baik oleh masyarakat tempatan. Buku itu dicetak sebanyak 14,000 naskah dan diedarkan secara percuma kepada badan-badan sosial dan kumpulan-kumpulan berbagai agama.

Menurut Ustaz Haji Ali di Singapura, integrasi kaum sangat penting, tidak kira sama ada dari golongan minoriti atau majoriti. "Kalau kedua-dua golongan boleh memahami antara satu sama lain, kita boleh hidup dengan aman. Tidak curiga-mencurigai. Apatah lagi, di masa ini, agama Islam itu sedang difokuskan. Umat Islam sendiri mesti menunjukkan apa yang negatif yang diperkatakan tentang Islam itu tidak benar. Kita perlu main peranan supaya orang lain dapat mengerti," ujar beliau.

"Lihat sahaja, dari segi ekonomi kita tidak dapat lari dari berurusan dengan kaum lain. Apatah lagi, ramai orang Islam yang bekerja dengan bangsa-bangsa lain di firma-firma mereka. Kita tidak mahu orang kita dicurigai. Kita harus menunjukkan bagaimana kita boleh hidup aman dan damai. Tambah beliau lagi, "Kita nak hidup aman. Jadi, apabila masjid bekerjasama dengan kaum lain dari sudut keamanan, saya rasa ini satu perkara yang penting. Kita perlukan mereka dan mereka juga perlu kepada kita. Kita hendak mereka melihat umat Islam ini golongan yang progresif, tidak berfikiran sempit dan tidak membawa ancaman bagi mereka."

Ustaz Haji Ali menerangkan bahawa mereka sentiasa bekerjasama dengan badan-badan bukan Islam yang lain dengan melawat antara satu sama lain. Jawatankuasa masjid Khadijah pernah menjemput mereka untuk mengajar cara-cara membuat kuih chang. Mereka turut menjemput pelbagai kumpulan agama dan adakan program menguji kesihatan serta jamuan nasi beriani percuma untuk orang ramai.

"Apabila mereka jemput kita ke majlis mereka, mereka siapkan makanan halal untuk kita. Ada juga yang memberitahu kita dari syarikat mana makanan itu ditempah. Saya dapat melihat mereka sudah memahami amalan kita."

"Apabila semuanya dalam keadaan aman, semua perkara boleh dilakukan. Kita boleh beribadah dengan aman. Dan keamanan dijaga oleh semua kaum," ujar beliau. Ustaz Haji menegaskan tasawuf atau ilmu akhlak boleh mainkan peranan membersihkan jiwa. Sebagai contoh, dalam perhubungan dengan kaum lain, Islam tidak membezakan mereka sebagai insan. Perbezaannya hanyalah dari segi iktikad.

"Sifat kasih sayang, hormat-menghormati, faham-memahami, ikhlas, ini kita boleh tunjukkan kepada orang-orang bukan Islam. Bahawa Islam bukan hanya mengutamakan soal lahir tapi mengutamakan persoalan jiwa. Orang yang benar-benar bertasawuf, dia tidak membuat keganasan, sebab tasawuf itu membawa keamanan," akhiri beliau dengan yakin. [1]